

17 OCT 2003

OIC-Yahudi (Syed Hamid)/I

KENYATAAN MENGENAI YAHUDI, MALAYSIA TIDAK MINTA MAAF

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak meminta maaf berhubung kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang kaum Yahudi pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Syed Hamid berkata kenyataan beliau telah disalah tafsir oleh agensi berita Associated Press yang melaporkan Malaysia telah meminta maaf berhubung kenyataan Dr Mahathir itu yang dibuat ketika merasmikan persidangan itu semalam.

Dr Mahathir berkata: "Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka."

Dr Mahathir memberitahu pemimpin 57 negara Islam bahawa umat Islam tidak ada pencapaian dalam perjuangan 50 tahun menentang Israel dan beliau mencadangkan taktik politik dan ekonomi digunakan dalam perjuangan itu bagi menggantikan peperangan.

Syed Hamid dipetik oleh Associated Press dalam laporannya hari ini sebagai berkata: "Saya minta maaf mereka telah salah faham secara menyeluruh. Tidak ada niat mencetuskan kontroversi. Niat beliau ialah untuk menunjukkan jika anda merenung dan duduk berfikir, anda boleh menjadi kuat."

Mengulas mengenai kenyataannya yang menyebabkan Associated Press membuat laporan itu, Syed Hamid berkata beliau telah disalah tafsir dan apa yang dilaporkan tidak menggambarkan apa yang dimaksudkan dan ia dilaporkan seolah-olah seperti satu permohonan maaf.

"Saya mengatakan saya minta maaf ia (ucapan itu) menimbulkan salahfaham kerana jika satu perkataan dalam ucapan itu disalahtafsir, ia boleh membawa makna yang pelbagai dan saya fikir ini menunjukkan niat mereka yang sebenarnya.

"Mereka tidak mahu memahami ucapan itu secara menyeluruh. Ucapan itu seimbang dengan kritikan terhadap umat Islam meminta mereka bangun melakukan sesuatu bagi membawa perubahan," katanya.

Ditanya tentang laporan sebuah akhbar Australia yang menyamakan Dr Mahathir dengan pemimpin Al Qaeda, Osama bin Laden, Syed Hamid berkata: "Apa sahaja yang kita lakukan, mereka akan membuat tafsiran yang berlainan kerana mereka mempunyai agenda tersendiri."

"Dan saya fikir adalah amat biadab dan kurang ajar bagi sebuah akhbar di Australia untuk menyamakan PM dengan Osama bin Laden. Dr Mahathir ialah seorang yang memperjuangkan keamanan dan menentang keganasan dengan keyakinan keamanan boleh dicapai melalui rundingan," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir tidak pernah menganjur atau menyokong serangan pengebom berani mati atau sebarang tindakan keganasan.

"Jadi saya fikir kita mesti bersedia menerima kritikan, Malaysia dan lain-lain negara Asean telah dikritik...orang Arab pun telah dikritik, semua orang dikritik. Kenapa kita tidak boleh memberi pandangan tentang sebuah negara tertentu," katanya.

-- BERNAMA

SM AU AAM MOZ